

08/09/2001

PM lancar ekspo MSC 2001

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Ekspo MSC-Multimedia Asia 2001 yang mempamerkan kemajuan terkini dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Perdana Menteri kemudian meluangkan masa kira-kira dua jam untuk melawat sebahagian daripada lebih 200 buah gerai pameran meliputi tingkat tiga dan empat bangunan itu.

Pameran itu disertai badan kerajaan, syarikat bertaraf Koridor Raya Multimedia (MSC,) perniagaan berasaskan Internet, pemaju perisian dan pembekal perkhidmatan aplikasi.

Ekspo kali keenam selama tiga hari yang bermula semalam itu diadakan sempena mesyuarat kelima Panel Penasihat Antarabangsa MSC yang sedang berlangsung.

Ia dianjurkan bersama oleh Majlis Teknologi Maklumat Malaysia (NITC) dan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC).

Acara lain yang diadakan serentak dengan ekspo itu ialah Teknologi Perbankan Asia 2001, Persidangan Dan Pameran CardEx Asia 2001, serta Persidangan dan Pameran SOLE 2001. SOLE ialah singkatan bagi Symposium on On-Line Learning.

MSC merangkumi kawasan seluas 750 kilometer persegi antara ibu negara dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang yang dikhaskan sebagai pusat pembangunan produk dan perkhidmatan ICT dan multimedia.

(END)